

▼31/05/17-15MST
CNS9908

U GB 31-05 00168 BC151

BAH

Spratly - Rundingan

ISU SPRATLY PERLU DISELESAI SECARA PERUNDINGAN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 31 Mei (Bernama) -- Malaysia berpendirian bahawa isu kepulauan Spratly harus diselesaikan melalui perundingan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Katanya, negara terbabit perlu menentukan asas rundingan sama ada isu itu berpunca daripada sejarah atau tradisi atau undang-undang dalam usaha mereka menyelesaikan isu berkenaan.

"Kalau kita sudah tentukan mana-mana satu prinsip, maka kita selesaikan masalah mengikut prinsip itu dan tidak menggunakan prinsip penyelesaian yang hanya menguntungkan kita," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka hari raya Aidil Adha di kediamannya di Titi Gajah di sini, hari ini.

Semalam. Setiausaha Rendah Hal-Ehwal Luar Filipina, Rodolfo Severino berkata di Manila, negara-negara yang berusaha mengelakkan konfrantasi berhubung Kepulauan Spratly akan bertemu di Manila esok bagi membincangkan program pembangunan bersama kepulauan itu.

Negara-negara yang menuntut hak terhadap kepulauan di Laut China Selatan itu ialah China, Taiwan, Vietnam, Filipina dan Brunei. -- Lagi

▼31/05/17-31MST

U GB 31-05 00169 BC152

BAH

Spratly - Rundingan 2 (Akhir) Alor Setar

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan cuba membuat beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah itu.

Mengenai perkembangan pilihan raya di Kemboja, Dr Mahathir berkata, keadaan nampak lebih cerah kerana jumlah yang keluar mengundi begitu banyak iaitu lebih 90 peratus.

Di samping itu, katanya, tidak ada rusuhan dan serangan daripada pihak Khmer Rouge secara ketara.

Perkembangan itu menunjukkan bahawa pilihan raya itu boleh diterima majoriti rakyat Kemboja.

Beliau berkata, Malaysia akan menerima apa juga keputusan daripada pilihan raya itu.

"Bagi kita, kita tidak memihak kepada mana-mana parti," katanya.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff serta beberapa anggota exco kerajaan negeri adalah antara yang menghadiri majlis rumah terbuka itu.

Dr Mahathir dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- Bernama

IQ ZU

▼31/05/17-33MST